

05 FEB 1997

Arqam-Akidah

BEKAS PEMIMPIN ARQAM JANJHI BANTU KERAJAAN PULIH AKIDAH PENGIKUT

TAIPING, 5 Feb (Bernama) -- Bekas pemimpin pergerakan Arqam yang dibebaskan dari Kem Tahanan Perlindungan Kamunting dekat sini hari ini berjanji untuk membantu kerajaan memulihkan akidah bekas anggota pergerakan itu.

Wakil 14 bekas pemimpin itu, Pahrol Mohamad Juoi berkata, mereka akan membuktikan keyakinan yang diberikan oleh kerajaan itu bagi memulihkan akidah bekas anggota pergerakan itu sebagai sumbangan bakti mereka kepada agama dan negara.

"Janji kami ini bukan cakap nak sedapkan hati kerajaan, tapi ia adalah atas perubahan dan keinsafan hati kami kepada petunjuk daripada Allah yang telah membuka pintu hati kembali ke akidah sebenar," katanya.

Pahrol merupakan seorang daripada 14 bekas pemimpin pergerakan itu yang ditahan mengikut Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) sejak enam bulan lepas.

Mereka dibebaskan mengikut Akta Kediaman Terhad kecuali bekas Timbalan Pengarah Jabatan Tanah dan Pembangunan Koperasi, Ahmad Salim Omar yang dibebaskan terus.

Yang lain ialah Nasiruddin Mohd Ali, Mohd Fakhrudin Arrazi Abdullah, Hashim Ahmad, Hashim Jaafar, Mohd Nizamuddin Asaari, Jafaar Ahmad, Hashim Mohammed, Tengku Noriah Tengku Abdullah, Azura Md Yusof, Mansor Mohd Noor, Sheikh Abdul Rahman Sheikh Ahmad dan Mohamad Abu Bakar.

Menurut Pahrol, beliau dan rakan-rakannya yang ditempatkan di beberapa daerah di Perak, Pahang, Negeri Sembilan, Melaka dan Pulau Pinang akan memantapkan institusi keluarga ke arah akidah Islam sebenar, mencari pekerjaan dan memulihkan akidah bekas anggota pergerakan berkenaan.

"Kami berterima kasih kepada kerajaan khususnya Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Timbalan Menteri Dalam Negeri, Datuk Megat Junid Megat Ayob, polis, Biro Tata Negara dan Pusat Islam yang telah memberi sekali lagi peluang kepada kami.

"Kami menghargai kepercayaan yang telah diberikan oleh kerajaan yang berhempas-pulas menangani masalah Arqam ini dan sampaikanlah salam kami kepada mereka ini dan orang lain yang telah kami susahkan sebelum ini", kata beliau.

Pensyarah Universiti Sains Malaysia (USM) Pulau Pinang Dr Mansor Mohamad Noor, 45, berkata semua pihak perlu peka kepada pergerakan agama kerana jika tidak dibendung dari awal, ia boleh menghancurkan negara.

Menurutnya, masalah yang berlaku adalah kerana salah tafsir manusia terhadap ajaran dan tuntutan agama.

Sementara itu, isteri Ahmad salim, Muslamah Mohamad yang ditemui di luar kem itu berkata, beliau tidak menyangka suaminya akan dibebaskan sebelum Hari Raya.

"Saya dan anak-anak bercadang nak berhari raya bersama isteri tahanan yang lain di kem ini di pagi Syawal kelak tetapi pembebasan mereka hari ini akan menjadikan hari raya kami bertambah meriah", katanya.

Isteri ketiga Dr Mansor, Siti Hanim Ahmad, yang membawa sepasang anaknya yang masing-masing berusia tiga tahun dan tiga bulan berkata, besar kemungkinan mereka akan berhari raya di Pulau Pinang.

Anak Sheikh Abdul rahim, Shemohd, 4, yang turut bersama ibunya dari Pahang berkata, beliau gembira kerana dapat berhari raya bersama bapanya.

Katanya, ibunya yang telah menyediakan tiga pasang baju Hari raya untuknya dan sembilan adik beradiknya yang lain hanya berkesempatan datang

mengunjungi bapanya di kem itu sebulan sekali.

-- BERNAMA

LAT NMO